

Prospek dan cabaran implementasi dakwah dalam media kontemporari: Satu analisis

ABSTRAK

Pelaksanaan dakwah Islamiah adalah satu tuntutan yang diperintahkan oleh Allah SWT terhadap seluruh umat Islam sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Walaupun pelaksanaan ini diwajibkan ke atas para rasul, namun ia sangat dituntut untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian mengikut peredaran masa. Kaedah pelaksanaan dakwah juga perlu sejajar dengan kecanggihan dan kepantasan teknologi kini di mana ia harus merentas inovasi dalam agen penyebaran dakwah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dakwah dalam era globalisasi ini tidak semudah yang disangka kerana kepantasan teknologi dan media kontemporari yang sangat meluas tanpa ada sempadan. Senario ini menggambarkan bahawa pendekatan dakwah dalam media kontemporari kini tidak terlepas daripada menghadapi cabaran yang harus ditempuhi oleh setiap pendakwah. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis prospek dan cabaran implementasi dakwah menerusi media kontemporari sebagai kayu ukur kepada kejayaan dakwah masa kini. Tahap keterbergantungan yang tinggi terhadap media massa telah memberi satu tamparan hebat kepada para pendakwah untuk menyebarkan risalah yang benar dan menangkis segala bentuk penyebaran maklumat palsu khususnya yang berkaitan dengan Islam. Kajian ini melibatkan analisis dokumen khususnya kepada artikel-artikel jurnal yang berkaitan dengan impak teknologi massa serta buku-buku yang berkaitan dengan media kontemporari. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai prospek dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah masa kini seperti menyiapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyekat kemunculan ustaz dan ustazah 'maggi', kebanjiran maklumat berkaitan isu-isu agama dan sebagainya. Kajian ini diharapkan berupaya dijadikan sebagai aspirasi kepada pendakwah masa kini sebagai persediaan awal sebelum mereka terjun ke bidang dakwah menerusi media kontemporari.